


# Sekitar Konvokesyen SSMP 2011

Oleh: Sarinah Ali Mohd Chua



Statistik Graduan SSMP Tahun 2011



Majlis Konvokesyen ke-13 Universiti Malaysia Sabah telah berlangsung dengan meriahnya selama tiga hari bermula pada 26, 28 dan 29 November 2011 bertempat di Dewan Canselor UMS.

Majlis Penganugerahan Ijazah bagi SSMP berlangsung pada sidang 4 (sebelah petang) pada 28 November 2011 ( Isnin ) dan dianugerahkan oleh Naib Canselor

Y.Bhg. Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Bin Haji Ampon.

Majlis konvokesyen dimulai dengan Penganugerahan Ijazah Sarjana Lanjutan 2011 (Ijazah Sarjana Secara Penyelidikan) SSMP kepada Encik Ahmad Riduan Bin Bahauddin dengan tajuk tesis Kecenderungan Rasa di Kalangan Etnik Kadazandusun di Sabah. Seramai 173 orang pelajar telah dianugerahkan Ijazah Sarjana

Muda Sains Makanan dan Pemakanan (HS04) dan Teknologi Makanan dan Bioproses (HY07). Bagi program Sains Makanan dan Pemakanan seramai 80 orang pelajar telah bergraduat. Charlene Yew Shen Li, Siew Lai Yee, Tan Min Yen dan Tses Mun Ngah dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Kelas Satu. Seramai 44 orang pelajar menerima anugerah Ijazah Sarjana Muda Kelas Dua Atas manakala Kelas Dua Bawah seramai 32 orang.

Bagi program Teknologi Makanan dan Bioproses seramai 93 orang pelajar telah bergraduat. Ijazah Sarjana Muda Kelas Satu diterima oleh Yong Kok Wing manakala seramai 46 orang pelajar masing-masing telah mendapat Ijazah Kelas Dua Atas dan juga Ijazah Kelas Dua Bawah

Ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan! Semoga kejayaan ini menjadi tapak bagi kejayaan yang lebih besar di masa akan datang dan diharapkan kecemerlangan ilmu ini dapat dicambahkan untuk agenda kemakmuran negara.